



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 OGOS 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

29 OGOS 2023 (SELASA)

Galak usahawan B40 manfaat inisiatif SPPP

Kuala Lumpur: Peniaga dan kumpulan usahawan B40 digalak memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) ditawarkan kerajaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jumlah perniagaan yang berjaya didaftarkan secara percuma melalui SPPP bermula 1 Januari lalu sehingga 31 Julai lalu adalah sebanyak 26,410 perniagaan.

"Sementara itu, baki peruntukan geran SPPP sebanyak RM6 juta boleh

memanfaatkan lebih 80,000 usahawan," katanya dalam kenyataan.

Armizan berkata, SPPP adalah inisiatif diperkenalkan SSM untuk memberi peluang golongan usahawan kumpulan B40 serta pelajar institut pengajian tinggi sepenuh masa mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 secara percuma.

Selain itu, SSM menganjurkan dua siri Program Bimbingan Usahawan (PBU) tahun ini iaitu di Pahang dengan pembabitatan lebih 400 peserta manakala 1,000 peserta di Selangor.